

- 1 Lengkapkan maklumat berkaitan dengan kekayaan hasil bumi di Perak, Selangor dan Pahang pada pernyataan di bawah.

Perlombongan Bijih Timah

- (a) Pada abad ke-15, orang Melayu menjalankan kegiatan melombong bijih timah di kawasan _____
- (b) Perak menjadi negeri naungan _____ pada abad ke-16 hingga ke-17 disebabkan kekayaan sumber bijih timah yang dimiliki. Bijih timah turut menjadi bahan utama yang digunakan Perak untuk mendapatkan perlindungan daripada _____ di Melaka untuk bebaskannya daripada naungan Aceh.
- (c) Pada tahun 1790, perjanjian penjualan hasil timah antara Sultan Ibrahim (Selangor) dengan _____ telah dibuat. Sementara itu, di negeri Perak kemerosotan pengeluaran bijih timah berlaku kerana aktiviti penyeludupan kepada pedagang _____.
- (d) Menjelang abad ke-19, _____ dan anaknya Ngah Ibrahim telah memajukan perlombongan bijih timah di Klian Pauh dan Klian Baru di Larut.

2. Padankan lokasi perlombongan bijih timah di bawah dengan huraianya.

Lukut

Lembah Kinta

Jugra

Kuala Lumpur

- a) Mula diusahakan oleh Raja Busu namun terkenal sebagai pusat perdagangan semasa penguasaan Raja Jumaat.
- b) Merupakan pangkalan untuk mengangkut bijih timah. Lokasi ini terletak di kuala sungai yang menjadi pertemuan antara Sungai Klang dengan Sungai Lumpur.
- c) Merupakan pusat pentadbiran Kesultanan Selangor semasa Sultan Abdul Samad. Kawasan ini menjadi pusat pengutipan cukai bijih timah yang mahu dibawa keluar melalui Sungai Langat.
- d) Sultan Ismail telah mengusahakan kawasan perlombongan ini pada tahun 1870-an. Pada abad ke-19, lokasi ini menjadi pengeluar utama bijih timah dunia.

3 Lengkapi maklumat berkaitan dengan perlombongan emas di Pahang.

Emas

- (a) Perlombongan emas di Pahang terletak di _____ seperti di sekitar kawasan _____, Sungai Tembeling dan Sungai Semantan.
- (b) Antara kawasan penting aktiviti perlombongan emas ialah di Raub, _____, Kechau, Selinsing, Penjom dan Hulu Dong.
- (c) Pada abad ke-19, Sultan _____ telah memberi konsesi untuk memajukan aktiviti perlombongan kepada orang Eropah.
- (d) Antara kaedah perlombongan emas pada abad ke-19 ialah _____ dan _____.

5 Namakan pihak yang mengusahakan perlombongan emas di Pahang pada abad berikut.



